



SIARAN MEDIA BERSAMA

MRT CORP-DBKL TANDATANGANI MOU UNTUK MENYOKONG HALATUJU STRATEGIK DRAF PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2040.

*Kerjasama utuh bertujuan untuk membangunkan
Kuala Lumpur sebagai 'Bandar untuk Semua'*

Kuala Lumpur, 5 April 2022: Sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai di antara Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini di dalam sebuah majlis ringkas di Menara DBKL, Kuala Lumpur, menandakan komitmen kedua-dua pihak dalam memastikan kelestarian dan kemakmuran bandaraya Kuala Lumpur.

MoU tersebut mengukuhkan kerjasama utuh di antara MRT Corp dan DBKL dalam membangunkan Kuala Lumpur sebagai 'Bandar untuk Semua' dengan menyediakan mobiliti yang cekap dan mesra alam.

Hadir dalam majlis menandatangani MoU tersebut ialah Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Hj. Mahadi Che Ngah bagi pihak DBKL, manakala Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Datuk Mohd Zarif Hashim menandatangani bagi pihak syarikat.

Turut hadir sebagai saksi majlis menandatangani perjanjian tersebut ialah Menteri Wilayah Persekutuan YB Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim.

Dalam ucapannya semasa majlis, Shahidan memuji inisiatif kedua-dua pihak di atas komitmen mereka menjadikan bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandar yang mampan dan berdaya huni.

"Pembangunan transit yang bertunjangkan rangkaian rel seperti MRT adalah kritikal bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian dan membawa kepada pengurangan jejak karbon. Ini sejajar dengan matlamat jangka masa panjang untuk menjadikan Kuala Lumpur bandar raya neutral karbon," said Shahidan.

Sebagai perancang bandaraya Kuala Lumpur, DBKL telah menghasilkan Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (Draf PSKL2040). Draf PSKL2040 akan menyelia pembangunan strategik bandaraya Kuala Lumpur untuk 20 tahun akan datang, bagi memastikan kelestarian dan kemakmuran bandar untuk semua penduduknya.

Mengulas mengenai kerjasama tersebut, Mahadi berkata MoU itu merupakan batu loncatan untuk mempertingkatkan kerjasama dengan memanfaatkan kelebihan di antara satu sama lain bagi membina sebuah bandar yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan keseimbangan kualiti hidup warga kota dengan kesaksamaan bandar, kemampuan dan sektor ekonomi yang berdaya saing.

“Kerjasama yang telah terjalin lama di antara MRT Corp dan DBKL adalah penting dalam perancangan pembangunan untuk bandaraya Kuala Lumpur, kerana ibu negara merangkumi pembangunan berorientasikan transit (*TOD*) untuk mewujudkan persekitaran bandar yang memaksimumkan pertumbuhan ekonomi dan kesaksamaan sosial.,” kata Mahadi.

Mohd Zarif pula berkata MRT Corp sebagai pemaju projek rel metro sentiasa seiring dengan DBKL, terutamanya dalam kerjasama untuk pembangunan perumahan mampu milik.

“Tidak dinafikan bahawa perancangan transit dan perancangan bandar mesti dijalankan seiring untuk mengoptimumkan penggunaan tanah, dan kami berbangga kerana melalui kerjasama ini, MRT Corp memainkan peranan strategik dalam menyokong DBKL ke arah mencapai visi Kuala Lumpur ‘Bandar untuk Semua’,” kata Zarif.

Tambah beliau, MoU di antara DBKL dan MRT Corp tersebut akan memastikan kedua-dua organisasi adalah selari, di samping mengekalkan hubungan jangka panjang yang baik serta memastikan kesinambungan semasa peringkat perancangan dan pelaksanaan.

“Memorandum persefahaman ini akan membolehkan MRT Corp memainkan peranannya sebagai pemaju infrastruktur rel bandar yang akan menjadi pemangkin kemampuan bandar raya dan peningkatan mobiliti warga kota,” tambah beliau.

MRT3 Laluan Lingkaran yang akan datang ini akan memberikan kesalinghubungan yang amat diperlukan bagi laluan rel dan bas sedia ada. Disamping itu, MRT3 akan menambah baik kesalinghubungan di antara pusat pembangunan utama dengan pinggir bandar di perimeter bandaraya Kuala Lumpur dan membolehkan mobiliti keseluruhan perjalanan (*end-to-end mobility*).

Tatkala Lembah Klang semakin hampir ke arah merealisasikan rangkaian pengangkutan awam yang komprehensif, DBKL dan MRT Corp komited dalam mencapai anjakan ketara dalam penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur seperti yang dicita-citakan dalam Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040. Integrasi dan ketersambungan yang lancar sistem transit Greater Kuala Lumpur adalah penting dalam menggalakkan dan membolehkan Rakyat mengubah tingkah laku perjalanan mereka untuk peralihan ini.

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Unit media +603-26179000
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

En Leong Shen-Li +6012-319 6602 / leong.shen-li@mymrt.com.my
MRT Corp

Cik Amalina Ghazali +6016-215 4055/amalina.ghazali@mymrt.com.my
MRT Corp